



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 67  
Bil. 26

**24hb Disember 2014**

*TAMBAHAN*  
*No. 3*

---

---

AKTA BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA  
(PENYENGGARAAN DAN PENGURUSAN) 2007

BUILDING AND COMMON PROPERTY  
(MAINTENANCE AND MANAGEMENT) ACT 2007

**No. 3546.**

PELANTIKAN YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
SEBAGAI PESURUHJAYA BANGUNAN

APPOINTMENT OF THE PRESIDENT OF LOCAL AUTHORITY AS  
COMMISSIONER OF BUILDINGS

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [*Akta 663*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual menjadi Pesuruhjaya Bangunan berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(1) of the Building and Common Property (Maintenance and Management) Act 2007 [*Act 663*], the State Authority has appointed the Presidents of the Local Authority named in column (1) of the Schedule as the Commissioner of Buildings of the Local Authority with effect from the dates set out opposite their respective names specified in column (2).

## JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
YBhg Dato' Harun bin Rawi Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh/ Mayor, Ipoh City Council	2 Januari 2014/ 2 January 2014
YBhg Dato' Abd Rahim bin Md Ariff Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Taiping/ President, Taiping Municipal Council	15 April 2014/ 15 April 2014
Encik Shahrom bin Abd Malik Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Kangsar/ President, Kuala Kangsar Municipal Council	15 April 2014/ 15 April 2014
Encik Abd Khair bin Hj Ahamad Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian/ President, Kerian District Council	19 Februari 2014/ 19 February 2014
Encik Khairul Amir bin Mohamad Zubir Yang Dipertua, Majlis Daerah Kampar/ President, Kampar District Council	19 Februari 2014/ 19 February 2014
Encik Muhammad Nazri bin Abdullah Yang Dipertua, Majlis Daerah Selama/ President, Selama District Council	2 Jun 2014/ 2 June 2014
Encik Khairil Akhtar bin Ghazali Yang Dipertua, Majlis Daerah Tanjong Malim/ President, Tanjong Malim District Council	1 Julai 2014/ 1 July 2014

Bertarikh 21 November 2014

Dated 21 November 2014

[PSUK.PK.(KT) 500-13(S); PU.Pk. 38/2008]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

*Setiausaha/Secretary*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council*

*Perak Darul Ridzuan*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)  
NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 3547.**

PELANTIKAN PENOLONG PENTADBIR TANAH DI DAN BAGI  
DAERAH BATANG PADANG

APPOINTMENT OF ASSISTANT LAND ADMINISTRATOR IN AND  
FOR THE DISTRICT OF BATANG PADANG

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untk memegang jawatan Penolong Pentadbir Tanah di dan bagi Daerah Batang Padang mulai dari tarikh yang dinyatakan bersestentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2) bagi maksud kanun itu.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12 (1)(b) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has appointed the officers names in column (1) of the Schedule to be Assistant Land Administration in and for the District of Batang Padang with effect from the dates set out opposite their names specified in column (2) for the purpose of the Code.

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Encik Azmi bin Abd Aziz	13.1.2010
Puan Norasmawati binti Md Anuar	9.12.2013
Puan Zuriati binti Zainal	1.2.2014
Encik Azril Fazli bin Omar Kamaruddin	2.9.2013
Encik Ahmad Rozain bin Romly @ Ramli	17.9.2013
Encik Zulkifli bin Idris	1.10.2013
Encik Zamri bin Jamaluddin	1.7.2011

Bertarikh 1 Disember 2014

Dated 1 December 2014

[PSUK.PK. (PSM)1.A.355/487/45;

PU.Pk. 51/99 Jld. 5]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

*Setiausaha/Secretary*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council  
Perak Darul Ridzuan*

No. 3548.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya melalui Pemberitahuan No. 2617 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 10 Julai 1919, Residen Perak pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 9 Enakmen Tanah 1911, telah mengisytiharkan bahagian tanah yang terletak di Wilayah Buntong, Bandar Ipoh, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Hasil Ukur Bil. 12718 yang disimpan di Pejabat Timbalan Penguasa Juru Ukur, Batu Gajah sebagai rizab bagi maksud tempat pengebumian iaitu suatu tapak untuk Rizab Perkuburan bagi masyarakat Tamil yang diselenggarakan oleh Presiden, Naib Presiden dan Setiausaha Persatuan Ipoh Hindu Devastana Paripalana Sabha pada masa itu dan penggantinya di pejabat;

Dan bahawasanya adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban tanah yang tersebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan sebahagian perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh pada 6 Januari 2015, jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari.

JADUAL

Daerah—Kinta. Bndar—Ipoh. No. Pelan—12718. Luas—1,060.5 meter persegi.

Bertarikh 23 Disember 2014

[PTG.Pk. 239/7-628(C); PTK(I) 1/5-20;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 66]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Perak Darul Ridzuan*

Whereas by Notification No. 2617 published in the Federated Malay States Government *Gazette* on 10 July 1919, the Resident of Perak, in exercise of the powers vested in him by section 9 of the Land Enactment 1911, proclaimed that the parcel of land situated in Wilayah Buntong, Town of Ipoh, District of Kinta described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 12718 deposited in the Office of the Deputy Superintendent of Revenue Surveys, Batu Gajah to be reserve for the purpose of the place interment for the dead - to wit, a burial ground for the Tamil Community of Ipoh, which

is maintained by the President, Vice - President and Secretary of the 'Ipoh Hindu Devastana Paripalana Sabha' for the time being and their successors in office.

And whereas it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to partially revoke the reservation described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, Land and District Office of Kinta, Ipoh on 6 January 2015 at 8.00 a.m. to 1.00 p.m.

## SCHEDULE

District—Kinta. Town—Ipoh. Plan No.—12718. Area—1,060.5 square metres.

Dated 23 December 2014  
[PTG.Pk. 239/7-628(C); PTK(I) 1/5-20;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 66]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

## PEMBETULAN

**No. 3549.**

Menurut Pemberitahuan *Warta* Kerajaan No. 3199 yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Perak bertarikh 4 Disember 2014 terdapat kesilapan pada jadual seperti berikut:

Bandar—Bidor. No. Lot—245. Perihal dan No. Hakmilik—GRM 33663. Luas—.0222 hektar.

diganti dengan:

Bandar—Temoh. Lot—245. Perihal dan No. Hakmilik—GRM 33663. Luas—.0222 hektar.

Bertarikh 16 Disember 2014  
[PTBP(H) 6/3/017/70]

KAMARUL BIN WAHID  
*b.p. Pentadbir Tanah Batang Padang*  
*Tapah*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA